


Pilih premis pajak gadai berlesen untuk berurusan

Bernama |  Disember 12, 2019 06:04 MYT



Hanya papan tanda 'Pemegang Pajak Gadai Berlesen' diiktiraf sebagai papan tanda iklan yang sah untuk digunakan oleh premis pemegang pajak gadai berlesen dan berdaftar dengan KPKT. -Gambar hiasan

PUTRAJAYA: Hanya papan tanda 'Pemegang Pajak Gadai Berlesen' diiktiraf sebagai papan tanda iklan yang sah untuk digunakan oleh premis pemegang pajak gadai berlesen dan berdaftar dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Ketua Cawangan Siasatan dan Pemantauan Bahagian Kawalan Kredit Komuniti KPKT, Supt Mohd Fauzi Hassan berkata pajak gadai haram sering mengaburi mata pengguna dengan pelbagai jenis iklan dengan tawaran yang menarik, dan semakin berleluasa melalui dalam talian menerusi pelbagai jenis platform media sosial.

Beliau memberi contoh papan tanda yang bertulis seperti 'Beli Surat Pajak', 'Upah Simpan'dan 'Beli Barang Kemas' adalah perniagaan pajak gadai haram.

"Orang awam dinasihat untuk menjalankan urusan pajak gadai di premis berlesen bagi mengelakkan diri daripada dianiaya," katanya pada sidang media pada Rabu. Mohd Fauzi berkata pajak gadai haram kebiasaannya mempunyai perjanjian dan terma-terma pajakan yang kebanyakannya tidak tetap mengikut kehendak syarikat serta mengambil keuntungan melebihi dua peratus sebulan.

"Bagi pajak gadai haram, barang sandaran yang tidak ditebus dalam tempohnya akan dilupus mengikut kehendak syarikat serta barang sandaran tidak disimpan di premis yang menjalankan urusan pemajakgadaan," katanya.

Mohd Fauzi berkata kelebihan menjalankan urusan pajak gadai di premis berlesen adalah kerana surat pajak gadai mengikut borang yang ditetapkan dengan terma yang sah di segi undang-undang dan kadar keuntungan tidak melebihi dua peratus sebulan.

"Tempoh pemajakgadaan pula adalah selama enam bulan atau tempoh yang lebih lama mengikut persetujuan, barang sandaran disimpan di dalam premis yang dilesenkan dengan tahap keselamatan yang tinggi dan diinsuranskan serta barang sandaran yang tidak ditebus akan dilupus melalui lelongan dan hasil lelongan akan